

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI PENERBITAN

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Penerbitan Gred N41, N44, N48, N52, N54.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)/ Agensi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. (Tiada maklumat daripada jabatan lain).

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti perancangan dan penerbitan, penyuntingan laman web (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris), percetakan serta keperluan pembangunan dan latihan staf.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pegawai Penerbitan Gred N41, N44, N48, N52, N54

- a. Menguruskan penilaian, penyuntingan, penterjemahan dan membaca pruf bahan sebelum diterbitkan.
- b. Mendokumentasi, menyelenggarakan katalog induk dan menerbitkan hasil-hasil penyelidikan yang telah dijalankan.
- c. Bertanggungjawab menyediakan kemudahan menyimpan, memulihara dan menyalin dokumen dan hasil penyelidikan.
- d. Menguruskan perolehan dan penyemakan inventori bahan-bahan penerbitan dan hasil penyelidikan.
- e. Memberi khidmat nasihat dalam bidang penerbitan, penulisan, penilaian, pendokumentasian dan pemuliharaan.
- f. Bertanggungjawab menyebarluaskan hasil penerbitan penyelidikan dan penemuan baru warga penyelidik menerusi penerbitan buku, jurnal, monograf dan sebagainya.
- g. Menyunting kandungan laman web Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris MIROS.

- h. Bertanggungjawab mentadbir, merancang, mengurus dan mengatasi segala urusan penerbitan dan percetakan dalaman dan luaran.
- i. Memastikan keselamatan dan penyimpanan bahan-bahan penerbitan (perlindungan insurans, pengawasan rapi atau disimpan dalam peti kebal kalis api).
- j. Menaip, menilai dan mengedit bahan sebelum diterbitkan.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan Tertinggi.

Luaran

- a. Jemaah kabinet mengenai keselamatan jalan raya.
- b. Kementerian Pengangkutan Malaysia.
- c. Kementerian/ Jabatan di peringkat persekutuan dan negeri dalam bidang berkaitan keselamatan jalan raya (contoh: Perbadanan Putrajaya, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, PUSPAKOM, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan LKPK).
- d. Pertubuhan/persatuan dalam dan luar negara (contoh: Global Road Safety Partnership (GRSP), Global Transport Knowledge (GTKP), Transport Research Laboratory (TRL), UK, John Hopkins University, US Road Traffic Injuries Research Network (RTIRN), International Road Assessment Program (IRAP), Monash University Accident Research (MUARCH), Australia, Center for Automotive Safety Research, Adelaide, World Road Association (PIARSC), Perancis, PIARSC Technical Committee, Perancis, Institute of Highway Transportation, SWOV Institute of Road Safety, Holland, Swedish National Road and Transport Research Institute (VTI), Sweden dan sebagainya).
- e. Semua *stakeholder* dan rakan kongsi dalam agenda keselamatan jalan raya.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.

- b. Dalam dan luar negara.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- b. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama ada dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- c. Berkebolehan menguruskan sumber di bawah kawalan.
- d. Berkebolehan membimbing dan mengetuai pasukan.
- e. Menjadi pakar rujuk dalam bidang tugas.
- f. Mempunyai kemahiran *interpersonal*.
- g. Berkebolehan menguruskan konflik dan menyelesaikan masalah.
- h. Berkebolehan berunding di peringkat jabatan dan antara jabatan.
- i. Berkebolehan membuat penyampaian dengan berkesan kepada individu dan kumpulan.
- j. Berkebolehan merancang dan melaksanakan strategik/program/aktiviti.
- k. Berkebolehan berfikir secara strategik.
- l. Berkebolehan melaksanakan penilaian, penyuntingan, penterjemahan dan membaca prof bahan penyelidikan.
- m. Pengetahuan dalam bidang produksi penerbitan.
- n. Berkebolehan membuat keputusan dengan berkesan.
- o. Pemindahan teknologi untuk pengoperasian dan pengkomersilan.
- p. Pengurusan harta intelek.
- q. Perancangan aplikasi teknologi.
- r. Berkebolehan mentafsir dan menganalisa.
- s. Berkebolehan menguruskan projek perundingan.
- t. Berkemahiran dalam bidang komputer.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Berupaya untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai positif dan menunjukkan integriti yang tinggi.
- b. Mempunyai daya ketrampilan diri yang tinggi.
- c. Profesionalisme.
- d. Kualiti.
- e. Kompetensi dan ketelitian.
- f. Bertanggungjawab.
- g. Kerahsiaan.
- h. Disiplin diri.

9. ANCAMAN BAHAYA

- a. Tekanan.
- b. Percanggahan kepentingan.
- c. Boleh diambil tindakan undang-undang.
- d. Penglibatan dengan aktiviti luar pejabat.

Sumber : Kementerian Pengangkutan Malaysia. Surat Rujukan: KP/PO/0.309 Jld.21 (24) bertarikh 30 April 2009.